NOTIS TAWARAN SEBUTHARGA

Tawaran Adalah Dipelawa Kepada Kontraktor-Kontraktor Yang Berdaftar Dengan FELCRA Berhad, Mempunyai Kelayakan Yang Ditetapkan Dan Berpengalaman Bagi Menyertai Tawaran Seperti Berikut :

Tajuk Tawaran	Perkhidmatan Dan Penyediaan Laporan Audit Pematuhan Alam Sekitar/Environmental Compliance Audit (ECA) Di Ladang P&P FELCRA Berhad Di Negeri Sarawak Bagi Tahun 2027
No Tawaran	SHP 34/2026
Kelayakan	i. Kementerian Kewangan Kod Bidang : 330207 ii. Konsultant yang dilantik perlu berdaftar dengan *Natural Resources Environmental Board (NREB)*
Tarikh Iklan	12/11/2026 | 9.00 Pagi
Tarikh Tutup	25/11/2026 | 12.00 Tengahari
Taklimat/Lawatan Tapak (Diwajibkan)	Lokasi : Bilik Mesyuarat Aras 1, Ibu Pejabat Wisma FELCRA/ *Online* (Bagi Vendor Dari Sarawak Dan Sabah) Tarikh : 16 November 2026 Masa : 10.00 Pagi Nama Pegawai : Puan Aisyah Binti Azmi No Telefon : 013-4439896
Bayaran Penyertaan	RM150.00
Deposit Sebutharga	RM1,000.00
Pegawai Perolehan	Nur Atikah Binti Bahrudin
No Telefon	018-4720456
Email	nuratikah@felcra.com.my
Untuk Penyertaan	Tawaran sebutharga dilaksanakan melalui sistem E-Procurement (*Procurehere*) secara atas talian sepenuhnya. Kontraktor-kontraktor yang berminat menyertai tawaran sebutharga ini boleh tekan *link* berikut : i. Kontraktor yang telah berdaftar dengan FELCRA Berhad sila tekan *Procurehere Event Details.* ii. Syarikat yang belum berdaftar dan berminat untuk menyertai tawaran sila tekan Borang Pendaftaran Kontraktor. iii. Bayaran penyertaan hendaklah dibuat dengan bayaran secara dalam talian *(Internet Banking – Instant Transfer sahaja)* atas nama FELCRA Berhad. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
Carta Alir Proses	Proses Tawaran Tender/Tender Melalui Sistem E-Procurement *(Procurehere)* FELCRA Berhad sila tekan Carta Alir.
Tawaran Tidak Dipertimbangkan	i. Tawaran sebutharga tidak akan dipertimbangkan sekiranya : a. Penyebutharga **GAGAL** memuat naik dokumen wajib dengan lengkap ke dalam sistem E-Procurement *(Procurehere)*; atau b. Penyebutharga **LEWAT** menyerahkan tawaran sebutharga dengan lengkap ke dalam sistem E-Procurement *(Procurehere)*. ii. FELCRA Berhad tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran sebutharga. iii. Jika maklumat yang dinyatakan dalam borang dan atau dokumen yang dikemukakan oleh penyebutharga didapati tidak benar/palsu atau terdapat sebarang usaha menyembunyikan maklumat sebelum, semasa atau selepas tawaran sebutharga ini, maka FELCRA Berhad pada bila-bila masa berhak menolak tawaran atau membatalkan Surat Setuju Terima atau menamatkan kontrak ini. iv. Keputusan tawaran sebutharga ini adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.